



GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT BERKENAAN SYARAT UMUM KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan mengenai pengemaskinian syarat-syarat umum yang perlu dipenuhi bagi urusan kenaikan pangkat pegawai-pegawai Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perkara berkaitan syarat dan kaedah pelaksanaan kenaikan pangkat ini telah dibincangkan dan mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3 Tahun 2025 yang telah bersidang pada 30 Mei 2025.
- 2.2 Kenaikan pangkat merupakan salah satu mekanisme penting dalam pengurusan sumber manusia yang berfungsi sebagai bentuk pengiktirafan rasmi kepada pegawai yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang serta komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.
- 2.3 Pelaksanaan urusan kenaikan pangkat perlu berlandaskan prinsip integriti, ketelusan dan keadilan. Justeru, penetapan syarat dan kriteria yang jelas, objektif dan bersifat menyeluruh adalah amat penting bagi memastikan hanya pegawai yang benar-benar layak dipertimbangkan untuk dinaikkan pangkat.
- 2.4 Penggunaan kriteria yang tepat dan berasaskan merit akan membolehkan pihak universiti menilai kelayakan pegawai secara adil, sekali gus memberi peluang yang saksama kepada semua pegawai untuk membangun dalam kerjaya masing-masing.

- 2.5 Syarat-syarat umum yang diguna pakai perlu mengambil kira tahap integriti calon serta memenuhi keperluan pengisian jawatan dan keperluan pematuhan terhadap pengurusan maklumat yang ditetapkan oleh pihak universiti.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 **Disahkan dalam perkhidmatan:** Pegawai mestilah telah disahkan dalam perkhidmatan tetap dan tidak berada dalam tempoh percubaan.
- 3.2 **Penilaian Tahunan:** Memperoleh markah prestasi 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terkini berdasarkan wajaran yang ditetapkan di dalam Surat Edaran JPA dengan nombor rujukan JPA(S)K.256/6/27 Klt.2/ s.k. 2 (4) bertarikh 3 Julai 2009 (rujuk Lampiran A) serta markah prestasi tahun terakhir hendaklah sekurang-kurangnya 85%.
- 3.3 **Tempoh Perkhidmatan:** Pegawai perlu memenuhi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan di jawatan semasa sebelum layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.
- 3.4 **Rekod Tatatertib:** Pegawai mesti bebas daripada pertuduhan/ prosiding/ tindakan tatatertib dan mahkamah atau rekod disiplin yang mencemarkan integriti mereka.
- 3.5 **Rekod disiplin kehadiran:** Tidak mempunyai rekod ketidakpatuhan berdasarkan peraturan kehadiran yang sedang berkuat kuasa.
- 3.6 **Tapisan SPRM:** Pegawai perlu melepasi tapisan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memastikan tiada unsur rasuah atau salah laku dalam perkhidmatan mereka.
- 3.7 **Pengisytiharan Harta:** Pegawai mestilah telah membuat pengisytiharan harta secara berkala mengikut ketetapan yang ditetapkan.
- 3.8 **Profil HRMIS:** Pegawai hendaklah memastikan bahawa profil mereka dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) lengkap dan terkini.
- 3.9 **Pengemaskinian maklumat dalam staff profile:** semua maklumat bagi urusan penilaian kenaikan pangkat akan diambil daripada Staff Profile Ecommunity dan Pegawai bertanggungjawab untuk membuat pengemaskinian maklumat dari semasa ke semasa bagi membolehkan

penilaian Jawatankuasa di peringkat Universiti dilakukan berdasarkan maklumat terkini.

- 3.10 **Perakuan Ketua Jabatan:** Pegawai yang dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat mesti mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan.
- 3.11 Menghadiri kursus/ latihan/ seminar/ persidangan dalam bahasa melayu.
- 3.12 Lain-lain syarat yang dilihat perlu oleh Pihak Universiti: tidak terhad kepada senarai syarat yang disenaraikan di atas, Pihak Universiti boleh mengenakan sebarang syarat tambahan untuk membolehkan keterbezaan merit antara setiap calon dilakukan.

4.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 4.1 Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk menilai kelayakan pegawai yang dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.
- 4.2 Ketua Jabatan wajib memastikan bahawa penilaian dibuat secara objektif, adil dan berteraskan merit, mengambil kira semua aspek prestasi, disiplin, rekod kehadiran, serta pematuhan pegawai terhadap semua keperluan pentadbiran dan perkhidmatan.
- 4.3 Ketua Jabatan mesti memberikan perakuan rasmi secara bertulis sebagai pengesahan kelayakan pegawai untuk dipertimbangkan dalam proses kenaikan pangkat.
- 4.4 Ketua Jabatan perlu memastikan semua dokumentasi berkaitan disediakan dan diserahkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan bagi memudahkan proses semakan oleh Jawatankuasa kenaikan pangkat Universiti.
- 4.5 Ketua Jabatan bertanggungjawab memantau pematuhan pegawai terhadap syarat tambahan yang mungkin dikenakan oleh pihak Universiti untuk tujuan penilaian yang lebih telus dan berkesan.

5.0 TANGGUNGJAWAB STAF

- 5.1 Pegawai yang ingin membuat permohonan kenaikan pangkat wajib memenuhi semua syarat kelayakan yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.

- 5.2 Pegawai bertanggungjawab memastikan semua maklumat peribadi dan profesional dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) dan Staff Profile Ecommunity adalah lengkap, tepat, dan sentiasa dikemaskini.
- 5.3 Pegawai mesti memastikan pengisytiharan harta dilakukan secara berkala mengikut ketetapan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.
- 5.4 Pegawai perlu menyediakan dan mengemukakan permohonan kenaikan pangkat mengikut prosedur dan tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak Universiti.
- 5.5 Pegawai hendaklah mematuhi segala peraturan disiplin, kehadiran, dan menghadiri kursus/latihan/seminar yang diwajibkan untuk meningkatkan kelayakan dan kompetensi mereka.
- 5.6 Pegawai perlu memastikan bahawa segala maklumat dan dokumen sokongan yang diperlukan untuk permohonan adalah lengkap dan sahih bagi memudahkan proses penilaian oleh Ketua Jabatan dan Jawatankuasa kenaikan pangkat.

6.0 KECUALIAN DAN PERALIHAN

- 6.1 Sebarang keputusan, kelulusan, atau tindakan yang telah dibuat berdasarkan peraturan, garis panduan, atau prosedur terdahulu sebelum garis panduan ini berkuat kuasa adalah terus sah dan tidak terjejas rentetan ketidakselarasan atau percanggahan dengan mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini.
- 6.2 Semua panduan, prosedur, dan peraturan yang telah dikeluarkan dan digunakan sebelum berkuat kuasanya garis panduan ini hendaklah terus terpakai dan diikuti bagi kes-kes yang berkaitan, selagi mana ia tidak bercanggah dengan peruntukan yang terkandung dalam garis panduan ini. Sekiranya terdapat percanggahan, peruntukan dalam garis panduan ini hendaklah dipatuhi.
- 6.3 Permohonan kenaikan pangkat yang telah dikemukakan sebelum berkuat kuasanya garis panduan ini akan dilayan mengikut peraturan dan syarat pada masa permohonan tersebut dibuat, kecuali sekiranya pemohon memilih untuk mematuhi syarat-syarat baru yang ditetapkan dalam garis panduan ini.

6.4 Pihak berkuasa yang bertanggungjawab berhak mengambil langkah-langkah penyesuaian yang perlu bagi memastikan peralihan dari peraturan terdahulu ke peraturan baharu berjalan lancar dan tanpa gangguan terhadap proses pentadbiran kenaikan pangkat.

7.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 30 Mei 2025.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 26 Jun 2025